



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)



TINDAKAN SUSULAN
JABATAN PERDANA MENTERI
DAN MAJLIS PROFESOR NEGARA
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
MAJLIS PROFESOR NEGARA
DI BAWAH JABATAN PERDANA
MENTERI (DR.38/2024)



DR. 5 TAHUN 2025





AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi (KE)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 3 - 5

LATAR BELAKANG



MUKA SURAT 6 - 13

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 13

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)



***PENYATA TINDAKAN SUSULAN
BERHUBUNG MAJLIS PROFESOR
NEGARA***





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN JABATAN PERDANA MENTERI DAN
MAJLIS PROFESOR NEGARA**

**BAGI SYOR-SYOR
PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**MAJLIS PROFESOR NEGARA
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI
(DR.38/2024)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Majlis Profesor Negara (MPN) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 4 Julai 2024.
- 1.2. Jabatan Audit Negara (JAN) merumuskan bahawa objektif penubuhan MPN berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan 26 Ogos 2019 tidak tercapai. Amalan tadbir urus korporat berada pada tahap yang tidak memuaskan dan kesinambungan operasi serta sumber kewangan MPN tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan.
- 1.3. Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:
 - i. Pindaan Artikel Pertubuhan pada tahun 2019 mengakibatkan objektif MPN tidak selari dengan matlamat penubuhan asalnya;
 - ii. Dua (2) ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) tidak mengisytiharkan kepentingan sebagai pemilik saham kepada dua (2) syarikat persendirian dan penyalahgunaan dana MPN bagi tujuan pembiayaan operasi syarikat berkenaan;
 - iii. Pembayaran elaun tetap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tanpa kelulusan menteri yang dipertanggungjawabkan;
 - iv. Pembayaran dibuat tanpa kelulusan LPA;
 - v. Pengurusan geran yang tidak cekap; dan
 - vi. Pembayaran kad kredit korporat serta wang pendahuluan tanpa dokumen sokongan.
- 1.4. Oleh itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu-isu tersebut melalui Prosiding Bil. 10/2024 pada 24 Julai 2024 dan Prosiding Bil. 10(a)/2024 pada 1 Ogos 2024 yang bertujuan untuk mengkaji serta meneliti isu-isu berhubung isu tadbir urus MPN yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 2/2024 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. PAC telah membentangkan Laporan PAC Parlimen bertajuk Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/2024) pada 7 November 2024.
- 2.2. Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh JPM dan MPN iaitu:
 - i. Syor 1: JPM perlu mengkaji sama ada kewujudan MPN masih relevan sebagai penggerak kepakaran tenaga akademik dalam membantu Kerajaan membangunkan negara. Sekiranya Kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan MPN sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG), MPN perlu diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berdasarkan fungsi dan peranan MPN.
 - ii. Syor 2: Lanjutan daripada Syor 1, JPM perlu memaklumkan PAC perkembangan mengenai keputusan Kerajaan berhubung status MPN sama ada kekal sebagai agensi CLBG di bawah Kerajaan atau sebaliknya dalam prosiding Tindakan Susulan.
 - iii. Syor 3: MPN perlu segera mendapatkan maklum balas daripada SSM berhubung status pindaan Artikel Pertubuhan yang terbaharu.
 - iv. Syor 4: MPN hendaklah melantik Setiausaha Syarikat yang kompeten bagi memastikan kelancaran tadbir urus MPN terutamanya dalam mematuhi semua peraturan dan undang-undang syarikat yang berkaitan.
 - v. Syor 5: MPN perlu membuat tindakan pembetulan dengan mendapatkan kelulusan daripada menteri yang bertanggungjawab berhubung isu penggunaan peruntukan tahun 2022 yang digunakan untuk pembayaran bagi tahun 2018 hingga 2021.

- vi. Syor 6: JPM perlu menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berhubung proses pemantauan ke atas syarikat-syarikat di bawah kawal selia JPM seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PB 1.2 mengenai tanggungjawab Pegawai Pengawal dan SOP tersebut hendaklah dipatuhi.
- 2.3. Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh JPM dan MPN selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
 - 2.4. MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Laporan PAC berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/ 2024) kepada PAC pada 9 Disember 2024. Seterusnya, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Laporan PAC tersebut pada 20 Januari 2025.
 - 2.5. Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/ 2024) pada 21 Januari 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:
 - i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
 - ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
 - iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
 - 2.6. Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil JPM dan MPN terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/ 2024) seperti jadual berikut:

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN MAJLIS PROFESOR NEGARA BAGI
SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG
MAJLIS PROFESOR NEGARA DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (DR.38/2024)

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	7 November 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	9 Disember 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim - Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/ 2024) telah dikemukakan oleh MOF.
4.	20 Januari 2025	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR. 38/ 2024) telah dikemukakan oleh MOF.
6.	21 Januari 2025/ 10.30 pagi	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 38/ 2024).</p> <p>Saksi:</p> <p>i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</p> <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) <p>ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)</p> <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan <p>iii. Majlis Profesor Negara (MPN)</p> <ul style="list-style-type: none"> - YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib, Ketua Pegawai Operasi

**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.38/2024)**



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 38/ 2024)

- 3.1. Syor 1: JPM perlu mengkaji sama ada kewujudan MPN masih relevan sebagai penggerak kepakaran tenaga akademik dalam membantu Kerajaan membangunkan negara. Sekiranya Kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan MPN sebagai CLBG, MPN perlu diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berdasarkan fungsi dan peranan MPN.**

Maklum Balas JPM:

- 3.1.1. Sebelum Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Kelima Belas Bil.10 (A) Tahun 2024 berlangsung pada 1 Ogos 2024 lalu, JPM telah mengemukakan satu minit pertimbangan bertajuk Status Majlis Profesor Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan hala tuju dasar daripada YAB Perdana Menteri pada 30 Julai 2024. Bagaimanapun, setelah laporan PAC DR.38 Tahun 2024 - Majlis Profesor Negara di bawah JPM dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 November 2024, keputusan berhubung minit pertimbangan tersebut masih belum diperolehi.
- 3.1.2. Keputusan terhadap minit pertimbangan bertajuk Status Majlis Profesor Negara di Jabatan Perdana Menteri telah diputuskan pada 30 Oktober 2024. Walau bagaimanapun, YAB Perdana Menteri selanjutnya telah mengarahkan supaya pihak JPM menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berhubung penetapan hala tuju status MPN di JPM untuk diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Pihak JPM telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berhubung hala tuju MPN di JPM untuk diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.
- 3.1.3. Pihak JPM juga dalam proses mendapatkan kelulusan Pengurusan Tertinggi JPM (YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan YAB Perdana Menteri) bagi tujuan edaran ulasan Kementerian dan Agensi Pusat yang terlibat antaranya Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Pendidikan

Tinggi (KPT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan lain-lain agensi yang berkaitan selewat-lewatnya pada Januari 2025.

Maklumbalas MPN:

3.1.4. Walaupun MPN beroperasi menggunakan dana daripada pihak Kerajaan, MPN berpendapat bahawa ia perlu berperanan lebih luas yang mana ia tidak terhad kepada peringkat akademik sahaja. Kepakaran yang ada dalam kalangan profesor adalah merentas semua kementerian dan merangkumi pelbagai bidang. Namun begitu sekiranya Kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan MPN sebagai CLBG, MPN berpandangan untuk menerima apa jua saranan Kerajaan yang dikeluarkan oleh pihak YAB Perdana Menteri termasuk untuk diletakkan di bawah KPT.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum arahan YAB Perdana Menteri supaya pihak JPM menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berhubung penetapan hala tuju status MPN di JPM untuk diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

PAC memohon supaya JPM dapat mengedarkan dengan segera sebaik sahaja keputusan Jemaah Menteri diperolehi dan memaklumkan kepada PAC secara bertulis.

PAC berpandangan pihak Kerajaan boleh melihat dari sudut keperluan penggabungan/ kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan antara MPN dan badan-badan pemikir (*think tank*) Kerajaan yang lain seperti ISIS dan lain-lain, seterusnya menyelaras fungsi sebagai *think tank* kepada Kerajaan yang merangkumi pelbagai bidang.

- 3.2. Syor 2: Lanjutan daripada Syor 1, JPM perlu memaklumkan PAC perkembangan mengenai keputusan Kerajaan berhubung status MPN sama ada kekal sebagai agensi CLBG di bawah Kerajaan atau sebaliknya dalam prosiding Tindakan Susulan.**

Maklum Balas JPM:

Maklum balas JPM terhadap syor ini adalah sama seperti di Syor 1.

Ulasan PAC:

Seperti Syor 1, PAC memohon supaya JPM dapat mengedarkan dengan segera sebaik sahaja keputusan Jemaah Menteri diperolehi dan memaklumkan kepada PAC secara bertulis.

- 3.3. Syor 3: MPN perlu segera mendapatkan maklum balas daripada SSM berhubung status pindaan Artikel Pertubuhan yang terbaharu.**

Maklum Balas MPN:

- 3.3.1. Percanggahan maklumat yang disampaikan semasa prosiding PAC berkaitan pindaan Artikel Pertubuhan MPN adalah salah faham diantara pengurusan MPN dan Setiausaha Syarikat. Pihak pengurusan MPN beranggapan pindaan Artikel Pertubuhan MPN telah dikemukakan kepada SSM selepas dipersetujui dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 29 April 2024. Selepas prosiding PAC pada 1 Ogos 2024, pihak MPN telah dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat bahawa pindaan Artikel Pertubuhan MPN masih belum dikemukakan kepada SSM.
- 3.3.2. Susulan itu, satu Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) telah diadakan pada 16 Ogos 2024 khusus bagi memperhalusi setiap perkara di dalam Artikel Pertubuhan MPN 2024 sebelum pindaan tersebut dikemukakan kepada pihak SSM.
- 3.3.3. Hasil daripada mesyuarat LPA Bilangan 1 Tahun 2024 dan EGM, Setiausaha Syarikat telah membuat pindaan ke atas Artikel Pertubuhan MPN dan

mengemukakan permohonan pindaan tersebut kepada pihak SSM pada 15 November 2024. Kelulusan pindaan Artikel Pertubuhan MPN dijangka akan mengambil masa dalam tempoh sekurang-kurangnya selama satu (1) bulan mengikut prosedur SSM. Sehingga 6 Januari 2025, pihak SSM masih belum meluluskan pindaan Artikel Pertubuhan MPN tersebut.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan yang telah dilaksanakan MPN berhubung pindaan Artikel Pertubuhan MPN. PAC juga mengambil maklum pihak SSM turut menunggu keputusan Jemaah Menteri berhubung kedudukan MPN sama ada kekal diletakkan di bawah Kerajaan atau sebaliknya sebelum meluluskan pindaan Artikel Pertubuhan MPN terutamanya mengenai penyertaan wakil Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah MPN.

PAC memohon supaya JPM dapat mengedarkan dengan segera dan memaklumkan kepada PAC secara bertulis berhubung keputusan Jemaah Menteri sebaik sahaja diperolehi.

3.4. Syor 4: MPN hendaklah melantik Setiausaha Syarikat yang kompeten bagi memastikan kelancaran tadbir urus MPN terutamanya dalam mematuhi semua peraturan dan undang-undang syarikat yang berkaitan.

Maklum Balas MPN:

3.4.1. Perbincangan berkaitan status Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mohd Mansor (BC/T/726) daripada Tetuan Tengku Naufal & Co. sebagai Setiausaha Syarikat MPN telah dibawa di dalam agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 telah diadakan pada 22 November 2024.

3.4.2. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 tersebut, ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) MPN telah bersetuju untuk melantik semula Tetuan Tengku Naufal & Co. secara sementara (interim) sehingga isu-isu berkaitan yang dihadapi oleh MPN pada waktu ini diselesaikan.

3.4.3. Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mohd Mansor juga memaklumkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tersebut bahawa beliau akan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Syarikat MPN selepas menyelesaikan semua tugas semasa yang memerlukan tindakan segera daripada pihak beliau.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum terhadap maklum balas MPN tersebut. Seperti syor yang diberikan PAC, MPN hendaklah memastikan Setiausaha Syarikat yang akan dilantik selepas ini mempunyai kompetensi yang sesuai dalam menjalankan tugasnya sekaligus memastikan kelancaran tadbir urus MPN.

3.5. Syor 5: MPN perlu membuat tindakan pembedahan dengan mendapatkan kelulusan daripada menteri yang bertanggungjawab berhubung isu penggunaan peruntukan tahun 2022 yang digunakan untuk pembayaran bagi tahun 2018 hingga 2021.

Maklum Balas MPN:

3.5.1. MPN telah menggunakan peruntukan tahun 2022 dan 2023 untuk membayar elaun LPA kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berjumlah RM207,000. Pembayaran elaun LPA ini memerlukan kelulusan daripada Menteri yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). MPN dengan Setiausaha Syarikat kini menunggu kelulusan pindaan Artikel Pertubuhan sebelum mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan Menteri KPDN berkaitan pembayaran elaun LPA.

3.5.2. Peruntukan tahun 2022 dan 2023 juga telah digunakan untuk pembayaran hutang operasi MPN yang tertunggak bagi tahun 2018 hingga 2021 melibatkan pembayaran bil utiliti, sewaan pejabat, kenderaan dan peralatan pejabat, bayaran perkhidmatan Setiausaha Syarikat, Akauntan dan Juruaudit, bayaran cukai LHDN, PERKESO dan KWSP, bayaran kepada pembekal dan lain-lain yang mempunyai

kontrak dengan MPN serta pemulangan wang pendahuluan yang dikeluarkan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MPN pada tahun 2020 dan 2021 berjumlah RM797,154.00. MPN telah mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Kewangan, JPM pada 4 Disember 2024 bagi mendapatkan kelulusan penggunaan peruntukan tahun 2022 dan 2023 bagi pembayaran hutang operasi MPN yang tertunggak.

Maklumbalas JPM:

3.5.3. Bahagian Kewangan, JPM telah menerima surat permohonan berkenaan kelulusan perbelanjaan tidak mengikut tujuan geran diluluskan melibatkan peruntukan tahun 2022 dan 2023 daripada MPN pada 4 Disember 2024. Permohonan tersebut telah dimajukan kepada Pejabat Belanjawan Negara (NBO), MOF pada 5 Disember 2024 untuk pertimbangan dan kelulusan. Sehingga 6 Januari 2025, pihak NBO, MOF masih belum memberikan sebarang kelulusan terhadap permohonan tersebut.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum permohonan untuk mendapatkan kelulusan Menteri berkaitan pembayaran elaun LPA dan pembayaran hutang operasi MPN yang tertunggak telah diangkat kepada pihak Pejabat Belanjawan Negara (NBO), MOF untuk kelulusan. Pihak JPM disarankan untuk menyusuli permohonan tersebut dengan segera.

3.6. Syor 6: JPM perlu menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berhubung proses pemantauan ke atas syarikat-syarikat di bawah kawal selia JPM seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PB1.2 mengenai tanggungjawab Pegawai Pengawal dan SOP tersebut hendaklah dipatuhi.

Maklum Balas JPM:

3.6.1. Pelbagai mekanisme pemantauan terhadap syarikat-syarikat termasuk semua NGO dan Pertubuhan Antarabangsa di bawah kawal selia JPM telah dibuat iaitu melalui:

- (a) Pemantauan prestasi perbelanjaan bagi Badan Berkanun Persekutuan (BBP)/ Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG)/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Pertubuhan Antarabangsa dibuat berdasarkan pelaporan prestasi dan keperluan aliran tunai mengikut suku tahun. Penyaluran peruntukan kepada BBP/ CLBG dibuat secara suku tahunan atau empat kali setahun berdasarkan kepada mekanisme yang digariskan di dalam **Arahan Pegawai Pengawal (APP): Strategi Kawalan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan JPM B.6 Tahun 2024** serta Perenggan 4.1 Pekeliling Perbendaharaan PB1.2 di mana Pegawai Pengawal berkuasa meluluskan penyaluran 50% daripada peruntukan yang diluluskan secara suku tahunan. Manakala bagi permohonan penyaluran peruntukan suku ketiga dan suku keempat yang melibatkan syarikat Kerajaan perlu dikemukakan kepada Pejabat Belanjawan Negara (NBO), MOF selewat-lewatnya pada 30 Jun berserta dengan maklumat lengkap laporan prestasi dan penyata aliran tunai.
- (b) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat JPM B.6 Bilangan 3 Tahun 2024 pada 7 Ogos 2024 di mana semua CLBG, NGO dan Pertubuhan Antarabangsa di bawah JPM telah dilibatkan sebagai ahli mesyuarat tersebut bermula daripada **Mesyuarat JPKA Bilangan 4 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 7 November 2024**. Menerusi mesyuarat JPKA tersebut, pihak JPM akan memantau prestasi perbelanjaan dan perkara-perkara berkaitan pengurusan kewangan dan akaun bagi semua Jabatan/ BBP/ CLBG/ NGO/ Pertubuhan Antarabangsa yang merangkumi Pengurusan Bajet, Pengurusan Perakaunan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor serta Penyediaan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan oleh BBP.

3.6.2. Pihak JPM juga telah mengeluarkan **Arahan Kewangan JPM Bil. 6/2024: Garis Panduan Penyaluran Peruntukan**. sebagai salah satu kaedah kawalan dalam supaya semua tatacara dan prosedur penyaluran peruntukan dipatuhi sewajarnya oleh Jabatan dan Agensi di bawah JPM. Arahan Kewangan ini adalah merupakan garis panduan berhubung penyaluran peruntukan di bawah Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap (OS42000) terutamanya kepada BBP/ CLBG/ Universiti/ NGO khususnya bagi pelaksanaan sesuatu Program/ Majlis/ Aktiviti. Garis panduan ini menekankan berkenaan prosedur sebelum dan selepas penyaluran peruntukan serta mekanisme pemantauan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan/ Agensi/ Bahagian/ Pusat Kos yang telah diberi mandat atau dilantik menjadi Peneraju atau Penyelaras Program/ Majlis/ Aktiviti.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan pemantauan yang diambil JPM dalam memastikan syarikat-syarikat termasuk semua NGO dan Pertubuhan Antarabangsa di bawah kawal selia JPM. JPM hendaklah dengan lebih proaktif dan serius melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan terhadap operasi/ urus tadbir syarikat-syarikat di bawah JPM tersebut melalui langkah-langkah penambahbaikan yang telah digariskan dalam memastikan kepentingan pihak-pihak berkaitan sentiasa dipelihara terutamanya di pihak Kerajaan.


4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 38/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
SELASA, 21 JANUARI 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 21 Januari 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

Tindakan Susulan Majlis Profesor Negara (MPN)

- (i) Jabatan Perdana Menteri (JPM)**
YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
- (ii) Kementerian Kewangan (MoF)**
YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)
- (iii) Majlis Profesor Negara**
Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib
Ketua Pegawai Operasi

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 21 JANUARI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

P/TPj Mohd Anuar bin Ismail [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Siasatan)]

Puan Naznin binti Ahmad Zahidi [(Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Rosmalina binti Abdul Aziz [Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Noor Syaera binti Nasir [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Ana Salha binti Mohd Junid [Penolong Juraudit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Encik Muhammad Zhafri bin Zainudin [Juraudit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Kementerian Ekonomi (KE)

YBrs. Dr. Jessinta Sandanasamy [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Akauntan (BPOPA)]

SAKSI**Jabatan Perdana Menteri (JPM)**

YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pejabat TKSUK)]

YBrs. Puan Inu Baizura binti Mohamad Zain [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Tuan Azroul Hisham bin Azulan [Penasihat Undang-Undang (Pejabat Penasihat Undang-Undang)]

Puan Nurul Syazlina binti Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Puan Salwani binti Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Dasar & Perancangan Strategik)]

Encik Abdul Malek bin Mokhtar [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Muhammad Wahyudi bin Othman [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik)]

Encik Mohammad Rizal bin Hasan (Juraudit (Bahagian Audit Dalam)]

Puan Anis Nurfarzana binti Mohd Ali [Penolong Setiausaha (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik)]

Encik Romli bin Kassim [Penolong Juraudit (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Kamarul Arifin bin Othman [Penolong Juraudit (Bahagian Audit Dalam)]

SAKSI (*samb/-*)**Kementerian Kewangan (MoF)**

YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) (Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar))]

Puan Rabiahtuluuduyah binti Nordin [Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara (Pejabat Belanjawan Negara)]

Majlis Profesor Negara (MPN)

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [Ketua Pegawai Operasi]

Puan Nur Hafirah Kamarudin [Penolong Pengurus (Pentadbiran & Sumber Manusia)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN Malaysia

SELASA, 21 JANUARI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.36 pagi

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Salam sejahtera dan selamat pagi. Selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan ahli-ahli ex officio PAC, terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini. Saya minta maaf, saya lewat enam minit pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada pagi ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Profesor Negara terhadap syor-syor dalam Laporan PAC berhubung Majlis Profesor Negara iaitu (DR.38/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 November 2024. Dalam laporan tersebut, PAC telah memberikan lapan rumusan hasil daripada prosiding yang diadakan pada 1 Ogos 2024. Berdasarkan rumusan-rumusan berkenaan, PAC Parlimen telah mengesyorkan enam perkara untuk dilaksanakan Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Profesor Negara sebagai langkah penambahbaikan.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, isu berkaitan MPN ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN 2/2024) Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan PAC memanggil prosiding untuk isu ini berdasarkan punca kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(c), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) 2023, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) hendaklah melaporkan semula kepada PAC perkara-perkara yang telah dirujuk Jawatankuasa ini terhadap pegawai pengawal seperti yang dinyatakan dalam laporan jawatankuasa ini.

Sehubungan dengan itu, hadir di hadapan PAC hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Hadir bersama saya adalah Yang Berbahagia Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri selaku

Pegawai Pengawal kepada MPN. Manakala, MPN pula diwakili oleh Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Ir. Md. Yusoff bin Taib, Ketua Pegawai Operasi. Terima kasih kerana sudi hadir ke prosiding tindakan susulan pada hari ini. Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Zamzuri untuk memulakan pembentangan. Silakan, terima kasih.

■1040

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Puan Puan Teresa Kok Naib Pengerusi PAC Parlimen. Yang Berhormat-yang Berhormat Ahli PAC Parlimen, Yang Berbahagia Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Md Yusoff bin Taib, Majlis Profesor Negara, ahli-ahli ex officio, kementerian-kementerian dan jabatan serta sekretariat PAC Parlimen.

Terima kasih daripada Yang Berhormat Naib Pengerusi, so, pagi ini saya nak perkenalkan diri saya. Saya Zamzuri Abdul Aziz, sekarang ini Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Kewangan. So, bersama saya hari ini seperti yang dimaklumkan oleh YB tadi adalah Yang Berbahagia Datuk Abd Shukor Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri— untuk membentangkan berkenaan tindakan susulan terhadap syor-syor PAC.

So, Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri merupakan salah satu perkara yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2024 di bawah Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan serta Badan-badan Berkanun Persekutuan yang mana antara lain Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini dalam dua prosiding iaitu yang telah diadakan pada 24 Julai 2024 dan juga 1 Ogos 2024.

Berdasarkan beberapa isu yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat di bawah laporan PAC pada 7 November 2024 terdapat enam syor PAC yang berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh Pegawai Pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304B (Pindaan) 2023. Untuk makluman, Jawatankuasa pihak JPM melalui MoF telah pun mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 9 Disember 2024 dan laporan muktamad pada 20 Januari 2025.

Untuk sesi hari ini, MoF bersama JPM akan membentangkan kepada PAC berkenaan status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC berhubung dengan perkara ini. Secara umumnya, berdasarkan laporan yang dikemukakan pihak MoF

berpandangan bahawa Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan tindakan-tindakan wajar terhadap syor-syor PAC terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Ketika ini fokus utama adalah terhadap untuk menentukan hala tuju Majlis Profesor Negara yang akan diputuskan oleh pihak kerajaan. Ini akan dibawa oleh Jabatan Perdana Menteri ke peringkat Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Naib Pengerusi, untuk membentangkan perkara lebih lanjut izinkan saya untuk menyerahkan kepada Yang Berbahagia Datuk TKSUK bagi menyampaikan taklimat selanjutnya. Sekian.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri]: Yang Berhormat Pengerusi dengan izin. Selamat pagi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Pengerusi PAC pada hari ini iaitu YB Seputeh, Yang Berhormat-Yang Berhormat panel PAC, rakan-rakan sekalian. Sebagaimana kita sedia maklum berdasarkan kepada syor PAC terhadap enam syor yang akan disusuli di mana tiga daripadanya melibatkan Jabatan Perdana Menteri iaitu saya sendiri dan juga tiga lagi akan dijawab oleh rakan saya daripada Majlis Profesor Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli PAC dan rakan-rakan lain. Seterusnya disahkan bahawa ini telah pun diambil tindakan sewajarnya di mana izinkan saya untuk membacakan syor yang pertama iaitu JPM perlu mengkaji sama ada MPN masih lagi relevan atau tidak dan sekiranya tidak relevan perlu diletakkan di bawah KPT.

Sebenarnya kita telah pun mengangkat kertas pertimbangan untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana di dalam itu kita telah syorkan hala tuju sama ada perlu diletakkan di bawah KPT, daripada JPM ataupun ditempatkan ke mana-mana agensi tertentu untuk dikawal selia.

Berdasarkan kepada syor PAC sebelum ini, sekiranya tidak relevan mungkin perlu dikembalikan kepada KPT. Untuk makluman Yang Berhormat rakan-rakan PAC, sedia maklum bahawa MPN telah diselia— MPN diselia bawah JPM berdasarkan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini di mana kita membuat kawalan sebagainya. Di mana dalam MFO sebenarnya— selain dulu adalah di bawah KPT dan beralihlah kronologi sebagainya.

Jadi, cuma saya tumpukan perhatian sama ada masih relevan— sebenarnya telah pun diangkat kepada PM untuk persetujuan sebelum kita membuat edaran kepada semua ahli-ahli kementerian yang terlibat bagi dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Sekiranya dapat kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barulah kita akan edarkan Yang Berhormat Pengerusi untuk hala tuju MPN seterusnya.

Seterusnya, syor yang kedua sama ada perlu dimaklumkan keputusan itu. Maknanya syor pertama dan kedua adalah berkaitan. Keputusannya masih lagi kita *status quo*, maknanya belum dapat keputusan...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Minta maaf Pengerusi.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya, saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Untuk syor pertama, selepas pembentangan TKSUP, kami masih *blur* lagi. Boleh terang lebih lanjut sedikit.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Okey, sebenarnya JPM sendiri telah mengangkat satu minit pertimbangan bertajuk “Status MPN di JPM” pada 30 Julai 2024. Berdasarkan pada minit tersebut JPM telah diarahkan untuk menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk dibentangkan.

Seterusnya, JPM telah mengangkat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas cadangan dan hala tuju MPN sama ada kekal di JPM atau bawah KPT atau sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengedarkan— Jemaah Menteri setelah mendapat kelulusan YAB PM. Setakat ini kita masih inilah mendapat minit— pertimbangan daripada YAB PM. Sekiranya dapat keputusan, barulah kami akan edarkan kepada kementerian tertentu untuk beri ulasan seperti MOF, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi dan sebagainya yang berkaitan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksud bahawa PM belum buat keputusanlah?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Kita masih menunggu keputusan PM ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tunggu keputusan PM-lah. Maksudnya adakah ia dikekalkan di JPM atau pindah ke KPT atau tidak lagi dalam kerajaan? Biar ia *independent*. Tiga opsiyenlah.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya, ya. Tiga opsiyen.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, baik terima kasih.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tambahan soalan Yang Berhormat, maknanya kertas MJM itu telah disediakan?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Betulkan?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dan syor dari dalam kertas itu telah juga dibuat?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya, betul.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya ada— ataupun terbuka semua kepada PM untuk *decide* ataupun dalam kertas itu ada menjurus kepada satu syor.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Kami dalam syor itu— ya-lah, masa itu masih peringkat embargolah ibaratnya. Kami tak boleh— cuma ada syor-syor seperti mana yang YB sebutlah. Sekiranya YAB PM bersetuju atau ada arahan lain, baru kami angkat edaran kepada semua kementerian yang berkaitan seperti MOF, Jabatan Peguam Negara untuk ulasan, untuk dibentangkan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dalam kertas itu ada mengesyorkan kepada satu syor yang *best recommended*? Kah atau terbuka?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Sebab kita ada— sebab itu pilihan kepada kementerian contohnya. Keduanya, yang lain. Ketiga, ada juga syor-syor itulah. Cuma kita buat pilihan yang mana YAB PM.

Seterusnya syor yang kedua perlu melaporkan. Jadi berdasarkan syor pertama masih dalam – masih *pending* YB Pengerusi, jadi saya rasa syor kedua ada berkaitan dengan syor pertamalah. Kita akan umum kemudian nanti.

Yang Berhormat boleh saya teruskan? Sebenarnya tambahan tadi bagi syor yang ketiga, keempat dan kelima akan dijawab oleh rakan saya Majlis Profesor Negara. Dan saya terus kalau diizinkan Yang Berhormat Pengerusi terus kepada syor keenam, boleh? Yang Berhormat Pengerusi? Fasal ini berkaitan JPM atau kita nak satu-satu Yang Berhormat Pengerusi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Teruskan.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Teruskan ya. Okey, yang keenam adalah JPM perlu menyediakan satu prosedur operasi standard berhubung proses pemantauan ke atas syarikat di bawah seliaan.

Jadi dalam kes ini Yang Berhormat, kami telah pun menyediakan satu SOP berhubung dengan proses pematuhan ke atas syarikat di bawah kawal selia JPM dalam mana kami telah mengeluarkan dua arahan Pegawai Pengawal Strategik Kawalan Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan JPM Tahun 2024 di mana pemantauan prestasi perbelanjaan bagi Badan-badan berkanun Persekutuan, Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) iaitu MPN, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan antarabangsa dibuat berdasarkan pelaporan prestasi dan keperluan aliran tunai.

Seterusnya juga, JPM juga telah melibatkan semua CLBG, NGO dan pertubuhan antarabangsa di bawah JPM sebagai Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun pada mesyuarat JPKA Bilangan 4 di mana dipengerusikan oleh saya sendirilah. Jadi setiap kali pelaporan akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKA termasuklah daripada Majlis Profesor Negara.

Seterusnya juga, JPM juga telah mengeluarkan Arahan Kewangan JPM Bilangan 6 2024 iaitu Garis Panduan Penyaluran Peruntukan sebagai salah satu kaedah kawalan dalaman supaya semua tatacara dan prosedur penyaluran peruntukan dipatuhi sewajarnya oleh jabatan dan agensi di bawah JPM.

Arahan Kewangan ini juga merupakan garis panduan berhubung penyaluran peruntukan kepada badan berkanun, CLBG, universiti, NGO khususnya bagi pelaksanaan sesuatu program, majlis dan juga aktiviti.

■1050

Garis panduan ini juga menekankan berkenaan prosedur sebelum dan selepas penyaluran peruntukan serta mekanisme pemantauan yang perlu dilaksanakan oleh jabatan, agensi yang diberi mandat atau dilantik menjadi peneraju atau penyelar program, majlis, aktiviti.

Yang Berhormat Pengerusi, itulah tiga syor yang JPM perlu laporkan dalam tindakan susulan yang pada hari ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat Pengerusi mengizinkan mungkin saya boleh minta rakan saya daripada Majlis Profesor Negara untuk meneruskan bagi syor ketiga, keempat dan kelima.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Ada soalan?*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Bukan soalan, cadangan. Untuk *for record*, arahan-arahan yang telah dikeluarkan itu boleh kita rujuk kepada *references for record purposes*-lah. Kan? Arahan yang dikeluarkan itu kita dapat rujukan dia, supaya *we can put on record*. Terima kasih.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Boleh, boleh. Nanti kami akan serahkan. Terima kasih YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, minta teruskan.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Okey. YB, cuma seterusnya untuk syor yang ketiga, keempat, kelima rakan saya MPN boleh— sekiranya tak ada soalan lain.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [Majlis Profesor Negara (MPN)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Yang Berhormat Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan juga seluruh ahli yang hadir pada hari ini, daripada jabatan-jabatan agensi kerajaan.

Saya nak menjawab ataupun menjelaskan kepada syor ketiga iaitu syor MPN perlu segera mendapat maklum balas daripada SSM berhubung status pindaan Artikel Pertubuhan yang terbaharu. Kalau kita tengok daripada kronologi yang telah kita jawab terlebih dahulu,

kita dah mengatakan perkara ini telah dibentangkan ataupun telah diusulkan kepada pihak SSM. Namun sebab dia ada banyak pindaan berlaku, dia ada dua tahap. Satu, tahap pertama ialah mengubah objektif asal MPN itu dan juga yang kedua ialah memasuk semula ahli, wakil kerajaan di dalam Lembaga Pemegang Amanah.

Itu yang tahap pertama. Tahap kedua ialah untuk meminda perlembagaan meluluskan elaun untuk pemegang amanah. Jadi, dua tahap. Jadi, tahap yang pertama itu telah diserahkan artikel itu kepada pihak SSM pada 15 November yang lalu. Sehingga kini kita belum dapat lagi jawapan daripada SSM.

Tahap yang kedua, saya dimaklumkan pihak sekretariat— *company secretary* akan menghantar selepas mendapat jawapan kelulusan daripada SSM berkaitan dengan tahap yang pertama tadi. Itu yang berkaitan dengan syor yang ketiga, status dia. Untuk syor yang keempat, MPN hendaklah melantik setiausaha syarikat...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, kalau boleh saya tanya tentang pindaan Artikel Pertubuhan yang baharu di mana MPN nak masukkan semula ahli wakil kerajaan ke dalam sebagai ahli Lembaga ALP. Tetapi hala tuju belum ditetapkan oleh kerajaan sama ada kerajaan akan terus letak dalam, di bawah payung kerajaankah atau bagi MPN *independent*.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Ya, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi macam mana boleh di...

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Untuk makluman Yang Berhormat, saya difahamkan daripada pihak SSM melalui *company secretary* yang mengatakan pihaknya juga turut menunggu keputusan Majlis Jemaah Menteri. Keputusan Jemaah Menteri, kedudukan MPN, baru dia nak lulus artikel itulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: SSM tunggu keputusan Jemaah Menteri?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Agak-agaknya berapa bulan lagi itu?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Yang itu saya tak boleh nak jawab berapa bulan. Dia terpulang kepada keputusan Jemaah Menteri. Kalau Jemaah Menteri buat keputusan hala tuju kedudukan MPN itu sendiri *then* pihak SSM mungkin akan buat keputusan berkaitan dengan artikel yang dipohon.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Mungkin pihak JPM boleh bagi gambaran sikit bila agaknya akan diangkat *paper* itu?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Sebenarnya kertas itu dah pun berada di pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maknanya sekiranya YAB bersetuju atau cadangan lain, kalau untuk diedar, makna kami boleh tempoh tiga minggu dan sebagainya

untuk dapatkan edaran ulasan daripada kementerian lain yang berkaitan. Lepas itu baru kami bentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Saya pun tak berani nak... [*Tidak jelas*] fasal inilah, pengakuan ini, takut terlewat. Saya tak— tapi *insya-Allah* selalunya Jabatan Perdana Menteri bila dapat, kita akan edarkan seawal mungkin untuk dapat ulasan dan bantangan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Teruskan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya, ya.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Untuk syor nombor empat, Yang Berhormat. MPN hendaklah melantik setiausaha syarikat yang kompeten bagi memastikan kelancaran tadbir urus MPN terutamanya dalam mematuhi semua peraturan dan undang-undang syarikat yang berkaitan.

Berkaitan dengan syor ini, Mesyuarat Agung MPN yang bersidang pada 22 November yang lalu telah memutuskan supaya Setiausaha yang ada sekarang dalam proses interim sebab dia juga akan tamatkan perkhidmatannya pada 31 Januari tahun 2025. Jadi, kerja-kerja yang belum selesai itu dia kena selesaikanlah terutama sekali yang berkaitan dengan pindaan perlembagaan. Itu yang status terkini, yang kita telah buat.

Untuk syor kelima, MPN perlu membuat tindakan pembetulan dengan mendapatkan kelulusan daripada Menteri yang bertanggungjawab, isu penggunaan peruntukan tahun 2022 yang digunakan untuk pembayaran bagi tahun 2018 sehingga 2021. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah juga dibincangkan. Pihak MPN, kita juga ada keraguan. Kita tidak pasti Menteri yang mana patut kita hubungi. Itu yang kita punya kedudukan sekarang ini.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Yang Berhormat Pengerusi, boleh saya menjawab? Menjelaskan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Sila, sila.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Apa yang dibangkitkan oleh Majlis Profesor Negara, kita dah merujuk kepada pandangan undang-undang; memandangkan di bawah Perintah Menteri-menteri (MFO), *Ministerial Function Order*, di mana dia tidak berada di mana-mana kementerian, Majlis Profesor Negara. Berdasarkan pandangan itu, Menteri yang kita rujuk adalah Menteri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kami akan angkat [*Tidak jelas*] itu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menyelaraskan perkara-perkara yang dibangkitkan, kelulusan pindaan itu, bagi mendapatkan peruntukan kelulusan tahun 2022 dan juga 2023.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, masih di bawah bidang kuasa Perdana Menteri?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya. Fasal tidak ada Menteri yang bertanggungjawab khusus, jadi terus kepada Pejabat Perdana Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini adalah isu pembayaran elaun, betul?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Betul bagi tahun...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Maksudnya kena punca kuasa beri kuasa untuk mereka membayar elaun kepada dia punya pemegang amanah.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya, betul YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Elaun berapa ya yang nak dibayar kepada— cadangan berapa elaun yang nak dibayar kepada ahli Lembaga Pemegang Amanah?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Cadangan yang kita buat dalam pindaan untuk pindaan perlembagaan akta, untuk MPN kita syorkan dalam cadangan itu untuk pengerusi ialah RM5,000. Untuk timbalan pengerusi RM4,000. Untuk ahli LPA ialah RM2,000. Itu yang diputuskan dalam mesyuarat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Setiap bulan ya?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Ya setiap bulan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, dia punya— berapa ahli yang akan dibayar RM2,000 itu?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: RM2,000 itu kalau kita ada 10 ahli lembaga pengarah, *then* lapan *will be* ahli, yang pertama pengerusi, nombor dua timbalan. Kita cadangkan ahli lembaga ialah 10.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Daripada 10 itu, tiga adalah wakil kerajaan. Itu yang kita cadangkan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Elaun mesyuarat ada?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Elaun mesyuarat tak. Kita bagi yang itu sahaja. Tak bagi elaun mesyuarat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Oh, yang apa itu— memang bulananlah?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Yang *travelling allowance*-kah, apa bendakah?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Tak ada. Tak ada. Tak ada.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak ada?

Seorang Ahli: *Reimbursement* ya... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kereta ada? Biasanya dia pakej ya. Dia ada kereta, dia ada *entertainment*.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Yang itu pun *claimable* lah. Kalau dia *outstation*, kita *allow*-lah untuk buat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Contohnya dia ada keraian, adakah elaun keraian?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Keraian tak ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tak ada.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Tak ada keraian. Tetapi untuk *traveling*, ke mesyuarat dan sebagainya itu kalau ada kita *claimable* lah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Cuma nak dapat penjelasan sedikit. Semenjak isu ini timbul dan kedudukannya masih *in a way limbo* kan, maknanya tunggu *direction* dan sebagainya. Jadi kakitangan yang ada sekarang, *what are they have been doing for the past few months* ini dan *a few months to come* sebelum keputusan muktamad dibuat ya? Macam mana dia punya kebajikanlah kakitangan yang ada sekarang.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Untuk makluman Yang Berhormat semua, kita, peruntukan kita telah diberhentikan sejak 2024 lagi, tahun 2024 kita tak dapat peruntukan. Cuma di hujung tahun 2024 itu kita selepas kita buat rayuan, kita kata banyak tunggakan hutang yang kita kena uruskan yang melebihi daripada RM900,000 tapi kita diberi peruntukan dalam RM700,000 lebih, jadi kita masih ada tertunggak. Jadi, untuk bayar gaji dan semua bil pejabatlah.

Jadi bila benda itu berlaku, sekarang ini kita tak ada pilihan, pada Disember kita dah *start downstream* kita punya staf yang mana yang ini kita bagi cutilah. Kita tak ada— sebab dah tak mampu nak bayar apa-apa punlah. Itulah keadaan yang sedang berlaku. Jadi, selagi status ini tak di-*settle*, kita tak tahu ke mana hala tuju dan peruntukan pun takkan keluarlah, itu saja.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi *the skeleton staff number strength*-nya berapa sekarang ini?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Sekarang tinggal tujuh.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tujuh.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tujuh *within cost of monthly* punya itu berapa agaknya.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Yang itu sekarang banyak kita *on FOC* lah, kebanyakan staf berkorbanlah. Kita tak ada gaji termasuk sayalah, kita berkorbanlah nak buat macam mana.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebelum ini berapa semua jumlah?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Jumlah kita ada 18 staf.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, jumlah hutang setakat sekarang adalah berapa?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Baki hutang lebih kurang dalam RM200,000 lagi kita perlu, RM200,000 untuk *settle* hutang-hutang yang masih tertunggaklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Oh, yang ini RM200,000 lebihlah.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ya, hanya...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Boleh nak dapatkan kepastian saja daripada JPM. Apa ini— kertas cadangan itu telah disampaikan kepada PM lebih kurang bila itu?

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Dihantar itu?

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya. Di atas meja PM sekarang ini dah berapa lama? *[Ketawa]*

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Jumaat lepas *ya?* *[Dicelah]* Dah ada seminggulah, lebih kurang itulah. Saya tak dapat sebut dia punya *accurate date*.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya lah, seminggu baru.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya, *last week*, ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Oh, seminggu baru.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: *[Tidak jelas]* asal itu ada pindaan semula. Itu yang arahan PM supaya dibuat Memorandum Jemaah Menteri.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Pada Oktober tak silap saya dah angkat sebelum itu *and then* bila arahan YAB PM supaya dia ada sediakan memorandum itu yang kami buat kemudianlah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Lazimnya lepas kertas sampai itu lazimnya, lazimnya... *[Ketawa]*

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Ya.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: ...Lebih kurang berapa lama sebelum arahan keputusan diambil dan untuk menyediakan satu kertas MJM itu? Nak dapat gambaran berapa lama lagi itu.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Sebenarnya kita berdasarkan perbincangan sebab ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan dulu. Pertama, status MPN, dia ada perancangan Majlis Profesor Negara dengan SSM juga. Bila dah *complete*, selesai semua yang berkaitan baru kita sediakan memorandum untuk jelaskan. Contoh yang pertama, sama ada CLBG ini dia boleh dibubarkan atau tidak contohnya. Dah dapat *clearance* daripada SSM dan sebagainya dan juga Jabatan Undang-undang barulah kita sediakan Memorandum Jemaah Menteri itu supaya bila kita angkat pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, benda itu dah bersih, tidak ada lagi yang *hanky-panky* lah, yang tak *clear* dari segi fakta dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya ingin tanya kepada Profesor ya, Dr. Md. Yusoff. Sekiranya PM buat keputusan tidak letakkan Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga— dia tidak juga letakkan dalam Kementerian Pengajian Tinggi, jadi apakah yang MPN akan buat sekiranya ini adalah keputusan beliau?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Yang itu saya as sebagai Ketua Operasi, saya tak boleh jawab sebab yang boleh jawab sepatutnya lembaga, Pengerusi Lembaga. Jadi cuma pandangan saya *personal*, boleh saya katakan dekat sini bahawa jika itu berlaku, maknanya kita dah jadi bersendirianlah. Bila bersendirian maknanya *you* kena *survive*-lah cara lain. Mungkin kita kena pinda lagi Perlembagaan. Perlembagaan yang sedia ada tidak membenarkan kita melaksanakan sebarang *business*. Itu yang kita kena buat pindaan lagi untuk dapatkan— membolehkan kita buat *business* untuk cari dana ataupun *option* pendapatan kepada operasi MPN.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Nak tanya sikit sajalah. Ini *preference*, *preference* sajalah. Kalau Majlis Profesor *given a choice, what is your preferred* punya *arrangement*?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Kalau *given me a choice*— ini pandangan saya, bukan pandangan lembaga.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya, ya.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Saya *prefer* as macam sekaranglah di bawah JPM sebab kita memahami tubuhnya MPN ini bukan untuk pendidikan sahaja asal usulnya. Dia tubuh sebab dia melangkaui semua kementerian. Jadi kalau duduk di bawah KPT mungkin dia terhad kepada *academic matter* sahaja. Tetapi kalau di bawah JPM itu, dia meluaslah yang saya nampak. Kalau saya, saya pilih JPM lah. Akan tetapi kalau tak ada, saya tak kisahlah letak di mana-mana pun. Bagi saya kita nak berkhidmat, nak menyumbang.

Itu yang saya nampak profesor-profesor ini dia ada banyak dia punya pengalaman yang boleh dikongsi. Kadang-kadang bila dia tak ada platform, dia ada masalahlah untuk nak berkongsi perkongsian ilmu dia.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sehubungan dengan itu, adakah kertas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menyokong pandangan daripada... *[Ketawa]*

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Yang itu saya tak tahu sebab saya tak tengok. *[Ketawa]*

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Okey Yang Berhormat. Sebelum saya menjawab yang tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi ya yang tindakan di *[Tidak jelas]* yang kita angkat, pertimbangan pada 30 Julai. Seterusnya keputusan minit pada 30 Oktober, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan JPM menyediakan Memorandum Jemaah Menteriilah. Itu yang saya nak jawab tadilah, slaid disediakan.

Cuma saya pun rasa saya lebih secara *personal* lah, saya rasa saya lebih bersetujulah sekiranya syor PAC itulah sebenarnya fasal saya ingat secara asasnya untuk letak di bawah KPT lah. Itu yang saya pun tak nak bertentangan dengan PAC punya cadanganlah. *[Ketawa]* Itu syor PAC kan yang pertama tadi itu, hala tujulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya juga ingin tanya, memandangkan apa yang COO kita kata, MPN lebih suka berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi selama ini ya, di bawah Kerajaan MADANI, pernahkah MPN membentangkan apa-apa dasar, cadangan kepada Perdana Menteri ataupun JPM yang merentasi agensi kerajaan dan kementerian? *So, I want to know what is your role you know so far.* Apa yang anda pernah buat, pernah lakukanlah.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Okey. Saya terpaksa kena cerita asal balikkah kan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bila kita dikeluarkan— okey kita ditubuhkan pada 2010. 2014 kita didaftar sebagai CLBG dan selepas didaftar sebagai CLBG kita masuk dalam— kita ditukar daripada KPT masuk kepada JPM. Itu arahan Perdana Menteri pada ketika itulah kerana dia beranggapan dan berpandangan fungsi MPN lebih luas tidak terhad kepada *academic matter* sahaja.

Jadi kita diletak di bawah JPM pada tahun itu, 2014 sehinggalah 2018 di mana apabila tukar kerajaan, tiba-tiba MPN dikeluarkan terus daripada kerajaan. Jadi bila dikeluarkan terus daripada kerajaan, itu menyebabkan kita jadi macam hilang puncalah pertama sekali kerana semua pelantikan pada masa itu ialah semua di bawah Perdana Menteri termasuk LPA *member* dan sebagainya.

Bila Perdana Menteri pada tahun 2018 buang kita, jadi kita nak buat macam mana? Kita terpaksa buat pindaan Perlembagaan, itu yang jadi isu itu. Bila kita ubah, pinda

Perlembagaan dan kita terpaksa beroperasi tanpa sebarang bantuan *start* daripada 2018 sehinggalah 2021.

■1110

Itulah tempohnya yang kita di luar kerajaan. Tahun 2022, maknanya awal 2022, kita sebenarnya di-*reinstate* November 2021 tetapi *officially*, kita dapat dana daripada 2022. Jadi, kita kira 2022 *onwards* itu kita dimasukkan balik dalam kerajaan semasa Perdana Menteri yang kesembilan pada masa itu, kita dimasukkan balik. Tetapi bila dimasukkan balik, status kita itu tidak jelas. Itu yang kata Datuk Shukor tadi, isu MFO, kita maknanya 'bin' lah, 'bin' kita itu tidak tahu lagi di mana. Itu yang jadi masalahnya, sehinggakan kita diaudit. Bila kita diaudit— pada 2023 kita diaudit *and then*, tiba-tiba audit itu *start* daripada 2018, isu 2018. Sedangkan kita 2019 tidak terlibat dah, dah terkeluar. Jadi, itulah isunya yang berentetan, sehinggakan ada banyak isulah yang kita tidak boleh hendak jawab pun ada. Pada masa itu, orang yang *handle* kewangan pun dah tidak ada. Kita tidak ada. Saya pun baru juga masuk. Jadi, bila berlaku macam itu, kita rasa macam agak susahlah kita hendak bergerak.

Jadi, bila Ahli-ahli Yang Berhormat tanya tentang macam mana— apa yang kita hendak buat. Kita pun bila dah jadi macam itu, 2022 bilamana *new* Perdana Menteri ambil alih, PMX sekarang. Kita pergi menghadap dia lagi sekali sebab macam dah seolah-olah tukar *government* jugalah sikit, tukar kerajaan. Tukar pemimpin dan tukar kerajaanlah kan? Jadi, kita terpaksa menghadap dia. Saya tanya dia, adakah dia hendak kita ini— itu yang kita jumpa dia pada April 2022. Kita tanya dia, adakah MPN ini perlu diletakkan di bawah JPM ataupun Yang Amat Berhormat tidak perlu MPN lagi? Kita *make things clear*, kita jumpa dia. *And then*, dia menjawab, dia kata “*No. I want you all bawah PM’s Office.*” Itu yang jawapan yang diberi pada masa kita jumpa dia pada hari itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: April 2023, betul?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Tidak, 2022.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: April 2022 di bawah PM9 kah?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: PM9.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: PM9. Kalau April 2022...

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Ha April 2023.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: 2023.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: 2023, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Ha. So, April 2023.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: So, lepas jumpa dia, *then* dia bersetuju mengekalkan kita di bawah JPM lah. Itu yang keputusan yang berlaku. Itu yang

kita— rentetan daripada itu, kita dah dapat balik, dana kita disambung. Selepas 2022 itu, kita disambung lagi untuk 2023. Tetapi bila Audit masuk saja, 2024 kita dah tidak dapat bajet lagi dah, tidak ada dana. Itu yang berlakulah kepada kita. Itu yang rasa tertekanlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi. Pengerusi, tadi profesor kata ada tujuh staf, okey. Ia ada— *you* ada...

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Tujuh staf ini tinggal sekarang, yang sekarang.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Betul.

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Selepas...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dulu berapa orang?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: Dulu 18.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: 18. Tinggal tujuh orang. Jadi, apa yang *day-to-day*— apakah fungsi mereka? Apa yang mereka buat?

Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib [MPN]: *Day-to-day*, banyak benda— kita buat *roundtable discussion* (RTD) bila kita ada kluster. Kita ada banyak kluster, ada 12 kluster. *So, they are handling* kluster. Untuk setiap kluster yang dipengerusikan oleh— *each cluster* oleh profesor-profesor yang berkaitan. Jadi, itu antaranya dan kita ada advokasi program dengan masyarakat, dengan akademik dan sebagainya. Kita ada juga Program Minda Profesor, kita ada forum, perbincangan *on economy*, isu-isu semasa dan sebagainya. Itu yang antara kita buatlah dan yang banyak kita buat akhir-akhir ini ialah kolaborasi dengan Indonesia dan kita sedang usahakan untuk kolaborasi dengan Thailand, majlis profesor dia lah.

Dengan Indonesia, kita memang dah lama dengan profesor Indonesia tetapi ada program yang kita tidak dapat hendak buat sebab kekurangan dana lah. Macam contoh, kita hendak buat *conference* antarabangsa, di mana kita hendak wujudkan sistem Scopus. Sekarang ini kalau *at the education*, pensyarah dia tahulah. Kalau dia hendak buat jurnal, dia kena dapat Scopus status *and then*, Scopus itu *di-owned* ya, di— *owner*-nya adalah *all the European* lah, yang kita terpaksa keluar duit, bayar banyak. Jadi, kita dah sepakat dengan Indonesia untuk jadikan Scopus Asia iaitu Malaysia dan Indonesia *lead* benda itu. Jadi, kosnya lebih murah, jadi status Scopus itu. Itu yang kita sedang luluskanlah antaranya. Itu antara benda-benda yang kita sedang buat.

Sebelum itu lagi, kita ada juga kita panggil *second channel diplomatic* yang maknanya, kita ada *official* yang *government-to-government* tetapi kita ada yang *second channel* ini ialah antara ilmuan dengan ilmuan. Macam kes jerebu, kita pernah *experience* kes jerebu yang teruk pada satu ketika dulu dengan Indonesia. *So*, bila G2G punya *discussion* banyak tidak— dia tidak hendak *reveal information*, dia tidak hendak— banyak benda. Jadi, bila ilmuan

dengan ilmuan ini, dia banyak berkongsi. So, kita *share* dengan *Indonesian side*. So, bila kita berbincang dan kita dapati isu yang sebenar-benarnya berlaku ialah isu perlembagaannya, akta di kawalan dia, kawal selia dia di Sumatera itu bukan di bawah Presiden Indonesia. Jadi, isu itu kita bantu untuk buat perlembagaannya dan akhirnya, Presiden boleh *control*. Itu yang sekarang ini isu jerebu itu sekarang dah tidak serius, tidak berlaku lagi dah macam yang sebelum-sebelum ini. Itu antara sumbangan yang MPN buatlah.

Cuma isunya, MPN ini kita tidak *publish*, kita tidak buat— umumkanlah benda ini. Jadi, orang tidak tahu. Macam isu Sulu, sama juga. Kita buat kajian pergi sampai Sabah untuk kaji isu tuntutan Sultan Sulu itu dan kita dapati ialah tuntutan Sultan Sulu itu ialah sindiket antarabangsa punya mainan dan kita bagi laporan kepada jabatan undang-undang untuk ambil tindakan. Itu antaryalah yang kita buat, termasuk juga yang terkini kita tengah buat kajian pengasingan fungsi Peguam Negara dan pendakwa raya. Itu kita tengah buat, kita buat kajian itu. Itu adalah permintaan daripada jabatan undang-undang. Ada banyak lagilah. Jadi, saya rasa susah juga saya hendak cerita satu-satu. Isu STEM pun tidak habis lagi. Lagi pun banyak isu yang kita tengah buat kajianlah, implikasinya.

Cuma orang tidak tahu apa yang kita buat lah sebab kita tidak *publish*. Isunya, bukan kita tidak hendak *publish*. Kadang ada benda yang kita boleh *publish*, ada benda yang kita tidak boleh hendak *publish* sebab ada benda yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan negara yang tidak boleh kita *open* lah untuk perkongsian semua. Okey, itu sajalah Yang Berhormat, yang dapat saya inilah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih Ts. Md. Yusoff. Saya rasa kalau itu yang disebutkan tadi itu, maknanya fungsi MPN itu, maknanya dia memang perkara-perkara yang melibatkan *think tank group* dan kepada yang strategik, yang boleh membantu kepada pihak kerajaan membuat dasar-dasar atau polisi yang tertentu kan? Itu maknanya, memang sangat-sangat bermanfaat. Mungkin bagi kitalah sebagai *layman* ini nampak memang itu sebenarnya sepatutnya fungsi utama MPN lah, sesuai dengan dia punya kedudukannya itu. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Mungkin *last kot, last question* lah ya, Pengerusi. Saya hendak tanya TKSUP. Kalau katakan fungsi MPN sebagai *think tank* dan di bawah kerajaan pun ada *think tank*, contohnya ISIS dan sebagainya. Bolehkah *combine*? Sebab saya nampak bahawa Majlis Profesor Negara ini pun amat— dia ada banyak profesor yang bagus-baguslah dan di bawah ISIS. Kalau kita banyak sangat *think tank*, dia macam terlalu banyak bertindihlah.

Bolehkah mungkin di-*combine*-kan Majlis Profesor Negara kepada ISIS sebab saya nampak ISIS pun buat lebih kurang sama fungsilah; *roundtable, forum, international collaboration*. ISIS pun buat benda-benda macam itu.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Yang Berhormat, boleh saya menjawab dulu ya. Saya cuma nak menarik perhatian kalau berdasarkan penubuhan Majlis Profesor Negara, telah diberi mandat dan persetujuan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Februari 2010 dan seterusnya dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu pada 1 April 2010 di PICC. Tujuan dia adalah untuk menggabungkan semua profesor dalam pelbagai disiplin keilmuan, berbeza dengan bentuk penubuhan di negara lain berkonsepkan kumpulan dalam bidang kepakaran tertentu. Jadi, isu asas adalah untuk menggabungkan semua profesor dalam pelbagai disiplin dalam satu inilah.

Cuma persoalan Yang Berhormat bertanya tadi, saya rasa kemungkinan akan kami pun, ada satu, mungkin dibawalah ke badan [*Tidak Jelas*] satu lagi yang boleh memperlihatkan tentang penggabungan dan sebagainya. Cuma isu sekarang ini adalah bila CLBG, dia adalah berdiri dengan sendirinya, di mana tidak boleh dibubarkan kecuali dengan kerelaan sendiri. Sekiranya bergabung dengan— apa tadi? ISIS dan sebagainya— ISIS CLBG ya?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] CLBG.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Okey, maknanya kemungkinan penggabungan itu ada. Saya tak mengatakan ya/tidak YB ya, fasal ISIS dengan MPN adalah kategori yang sama, CLBG. Jadi, kemungkinan itu ada. Tapi maknanya kami akan angkat jugalah untuk perhatian kepada pihak tertentu untuk memikirkan penggabungan itu. Cuma saya cuma nak menyentuh *because* kerana asal penubuhan pada 2010 adalah untuk menggabungkan semua profesor dalam satu bidang yang berbeza. Itu sahaja. Itu pandangan saya, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Kerana baru-baru ini saya juga baca yang bekas Ahli Parlimen Nurul Izzah, dia akan tubuhkan satu *think tank* juga di bawah di bawah *economic research* kan. So macam Bayan Baru kata, agaknya banyak *think tank* juga yang ingin bantu kerajaanlah.

So, okey. Kalau Ahli-ahli Berhormat, kalau kita tidak ada apa-apa soalan, jadi saya ingin berterima kasihlah. Kita boleh tangguh mesyuarat susulan ini pada jam 11.22 pagi. Saya ingin berterima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Zamzuri, Yang Berbahagia Datuk Abd Shukor dan juga Yang Berbahagia Profesor Dr. Md. Yusoff kerana sudi datang menghadiri prosiding tindakan susulan pada hari ini.

Datuk Abd Shukor bin Mahmood [JPM]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Harap kita berjumpa lagi dan kita boleh tahu tentang hala tuju MPN. Terima kasih.

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [MoF]: Terima kasih kepada Pengerusi dan semua ahli. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.23 pagi]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac